

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful" / "Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.	MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL
	HH/BB/TTTT

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) adalah merupakan pelan perlindungan Takaful Keluarga yang direka untuk melindungi obligasi gadai janji anda sekiranya kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) berlaku ke atas orang dilindungi sewaktu tempoh perlindungan.

2. Apakah konsep-konsep asas Syariah yang digunakan?

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian dari sumbangan kepada Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada peserta-peserta, jika diperlukan.

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak peserta untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Fi Wakalah ditolak daripada sumbangan setiap sijil. Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap peserta.

Sumbangan tunggal ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebih daripada DRP diperuntukkan untuk peruntukan luar jangka dan akan diagihkan berdasarkan polisi lebihan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada lebihan agihan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil takafulnya masih berkuat kuasa dan tidak pernah membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami untuk mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Jua'lah. Jua'lah adalah kontrak ganjaran yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada orang yang dilindungi adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan ke atas dana berasingan akan dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang mana sijil takafulnya masih berkuat kuasa dan 15% akan dibayar kepada Kami berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah ialah kontrak yang dipersetujui di antara Kami dan orang yang dilindungi untuk keuntungan pelaburan. Dana berasingan tersebut akan dibayar bersama dengan manfaat, pada tarikh tamat tempoh sijil takaful, atau diminta oleh orang yang dilindungi kepada Kami dan peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil takaful dan amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No	Perlindungan/Manfaat	Butiran	Tempoh Perlindungan
1	Kematian	Sekiranya berlaku kematian orang dilindungi, jumlah dilindungi berkurangan dan lebihan DRP (jika ada) pada tarikh kematian hendaklah dibayar sebagai pembayaran balik baki kemudahan gadai janji / pembiayaan yang belum jelas.	<tempoh> tahun
2	HUMK	Sekiranya orang dilindungi mengalami HUMK sebelum tamat tempoh perlindungan atau sehingga ulang tahun sijil pada umur 70 orang dilindungi, jumlah dilindungi berkurangan sehingga sebanyak RM1,000,000 dan lebihan dari DRP (jika ada) akan dibayar. Baki, jika ada, sehingga sebanyak RM1,000,000 dibayar 1 tahun dari tarikh pembayaran pertama, mengikut mana-mana yang terdahulu. Sekiranya orang dilindungi meninggal dunia atau sijil tamat tempoh sebelum pendahuluan kedua perlu dibayar, baki selebihnya akan dibayar sekaligus dan sijil akan ditamatkan. Jumlah dilindungi berkurangan akan digunakan untuk pembayaran balik baki kemudahan gadaijanji / pembiayaan yang belum jelas. Jumlah pembayaran agregat bagi manfaat HUMK hendaklah tidak melebihi RM2,000,000 bagi sijil ini dan semua sijil bersama Pengendali Takaful, jika ada, bagi orang dilindungi.	<tempoh> tahun atau sehingga ulang tahun sijil pada umur 70 orang dilindungi, mana-mana yang terdahulu.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan tunggal yang anda sebagai orang dilindungi yang perlu dibayar berbeza-beza bergantung pada umur anda, jumlah dilindungi, kadar keuntungan dan tempoh perlindungan. Anggaran jumlah sumbangan yang anda perlu bayar ialah RM <Single Contribution>
Jumlah sumbangan yang perlu dibayar juga mungkin berbeza bergantung pada keputusan pengunderaitan Pengendali Takaful.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Perbelanjaan berkaitan sijil seperti perbelanjaan pengurusan telah dimasukkan dalam jumlah sumbangan anda. Jika anda sebagai orang dilindungi memutuskan untuk menamatkan Sijil Takaful anda lebih awal semasa dalam tempoh perlindungan, nilai serahan mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan anda untuk menampung perbelanjaan di atas.

Fi Wakalah: Kami layak mendapat fi Wakalah sebanyak 25% daripada sumbangan yang telah dibayar bagi Sijil Takaful ini, di mana ianya akan ditolak daripada jumlah sumbangan.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan Pendedahan - Anda dikehendaki menyatakan sepenuhnya dan dengan tepat semua maklumat yang relevan yang anda tahu ianya adalah relevan kepada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dipakai. Jika tidak, ia akan mengakibatkan Sijil Takaful diketepikan, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat Sijil Takaful diubah.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk pada Sijil Takaful untuk terma dan syarat sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil ini akan membayar Manfaat Kematian sekiranya kematian akibat daripada:

- Bunuh Diri

Sekiranya orang dilindungi membunuh diri ketika waras:

- (a) dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh permulaan, Kami akan membayar balik jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- (b) selepas 1 tahun daripada tarikh permulaan Kami akan membayar jumlah dilindungi berkurangan.

Sekiranya orang dilindungi membunuh diri ketika tidak waras, Kami akan membayar jumlah dilindungi berkurangan.

Sijil ini tidak akan melindungi HUMK akibat daripada:

- a) Keadaan pra-wujud, kecuali orang dilindungi yang terjejas dengan keadaan ini telah dilindungi di bawah Sijil Takaful ini selama lebih daripada 1 tahun dari tarikh permulaan;
- b) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri, ketika waras;
- c) Kecederaan atau penghospitalan di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah;
- d) Memasuki, mengendalikan, atau memberikan perkhidmatan menaiki atau menuruni, dari atau dengan mana-mana peranti atau pengangkutan udara kecuali ketika orang dilindungi berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial pada perjalanan penumpang berjadual teratur menggunakan laluan penumpang yang ditetapkan;
- e) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, penderhakaan tentera, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia; atau
- f) Penglibatan dalam apa-apa sukan dan hobi yang berbahaya seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), terbang luncur, belayar atau hobi lain yang sama-sama berbahaya dan berisiko melainkan sumbangan risiko sukan telah dibayar.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk pada Sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

- Pembatalan semasa tempoh bertenang - Orang Dilindungi mempunyai hak, atas apa-apa sebab, untuk memulangkan Sijil Takaful bersama dengan permohonan pembatalan bertulis dalam masa 15 hari selepas Sijil Takaful telah diterima oleh anda atau oleh orang yang mendiami kediaman anda, atau dalam masa 1 tahun dari tarikh permulaan Sijil Takaful, mana yang kemudian. Kami akan membatalkan perlindungan dan mengembalikan kepada anda sumbangan yang telah dibayar, tolak apa-apa fi perubatan yang berkenaan, jika ada.

- Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, Sijil Takaful ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerimanya jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika ia dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika polisi ini dihantar secara elektronik.

- Jika Kami menerima apa-apa notis pembatalan bertulis daripada anda (dengan persetujuan daripada pembiaya gadai janji) selepas 1 tahun dari tarikh permulaan, Kami akan mengembalikan nilai serahan dan lebihan dari DRP (jika ada).

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami atas segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya.

10. Dimanakah boleh saya memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Atau anda boleh menghubungi:

Etiqu Family Takaful Berhad (199301011506)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank,

No. 1, Jalan Maarof,

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2297 3888 Faks : 03-2297 3800

Etiqu Online : 1 300 13 8888

Emel: info@etiqu.com.my

Laman Web: www.etiqu.com.my

Etiqu Family Takaful Berhad (199301011506)

Government Business Unit

No.15 & 15A,

Jalan P8G1, Presint 8,

62000 Putrajaya.

Tel: 03-8861 6862 / 6772 / 6362 / 6172

Faks: 03-8861 6782

Emel: ft.businessmgmt@etiqu.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang ada

Sila rujuk kepada pengedar Kami untuk lain-lain jenis perlindungan yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan produk ini sah selama 3 bulan selepas tarikh dikeluarkan.

PENGAKUAN/PENYERAHAN KUASA & AKAD

Sila baca dengan teliti sebelum menandatangani permohonan ini.

1. Saya sedar bahawa saya perlu menjawab semua soalan dan pengakuan dalam permohonan ini, dan mengaku bahawa jawapan, maklumat dan pengakuan tersebut adalah tepat dan lengkap. Saya bersetuju bahawa kegagalan menjawab soalan atau pengakuan, atau salah menjawab soalan atau pengakuan boleh mengakibatkan penamatan sijil, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil diubah.
2. Saya bersetuju untuk memaklumkan Etiqa Family Takaful secara bertulis sekiranya terdapat perubahan kepada mana-mana jawapan atau akuan di dalam permohonan ini, sebelum tarikh pengeluaran sijil. Saya bersetuju bahawa kegagalan untuk memberitahu Etiqa Family Takaful mengenai sebarang perubahan, boleh menyebabkan sijil terbatal, tuntutan yang tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil diubah.
3. Saya telah membaca dan memahami isi kandungan permohonan ini, termasuk semua notis di dalamnya dan saya telah menjawab semua soalan di dalam permohonan ini dan sebarang soal selidik dengan sepenuhnya, tepat dan sukarela, selepas memahami soalan-soalan dengan sepenuhnya.
4. Saya mengesahkan bahawa saya memahami dengan sepenuhnya bahawa jawapan dan perakuan saya yang diberikan di dalam permohonan ini, dan apa-apa dokumen berkaitan yang telah dilengkapkan oleh saya berhubung dengan permohonan dan soal selidik ini, atau pindaan kepadanya, akan digunakan oleh Etiqa Family Takaful, dalam memutuskan sama ada untuk menerima permohonan saya atau tidak.
5. Saya dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pakar perubatan, hospital, klinik, pengendali Takaful / syarikat insurans, institusi kewangan, atau mana-mana organisasi atau syarikat atau orang yang mempunyai sebarang rekod atau maklumat tentang saya, kedudukan kewangan saya atau kesihatan saya, untuk didedahkan kepada Etiqa Family Takaful atau mana-mana wakilnya segala maklumat tentang saya sebelum atau selepas kematian saya. Saya bersetuju bahawa salinan fotostat atau faksimili pemberian kuasa ini hendaklah dianggap berkuatkuasa dan sah seperti salinan yang asal dan terikat ke atas sesiapa sahaja yang mengambil alih mana-mana hak undang-undang saya.
6. Saya memahami dan bersetuju bahawa pelan Takaful saya yang telah dipohon akan hanya bermula pada tarikh pembayaran pertama pembiayaan, dengan syarat permohonan itu telah diluluskan dan sumbangan penuh telah diterima oleh Etiqa Family Takaful semasa hayat saya dan, sebelum atau pada tarikh permulaan, dan tiada sebarang perubahan kepada keadaan kesihatan saya.
7. **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA)**

Saya, bersetuju untuk membenarkan Etiqa Family Takaful untuk memproses data peribadi saya, termasuk data peribadi yang sensitif bagi tujuan mengikat kontrak Takaful, dengan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Saya memahami dan bersetuju bahawa mana-mana data peribadi yang dikumpul atau dimiliki oleh Etiqa Family Takaful, samada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi selepasnya, boleh dimiliki, diguna, diproses dan didedahkan oleh Etiqa Family Takaful kepada individu atau organisasi yang berkaitan dan mempunyai hubungan dengan Etiqa Family Takaful atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (dalam atau luar Malaysia, termasuk institusi perubatan, syarikat reinsurans/ pengendali retakaful, adjuster tuntutan, penyiasat tuntutan, peguam, persatuan industri, pengawal selia, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa kerajaan), bagi tujuan memproses permohonan ini, menyediakan perkhidmatan secara berterusan yang berkaitan dengannya dan untuk berkomunikasi dengan saya bagi tujuan tersebut dan apa-apa tujuan yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan-peraturan.

Saya memahami bahawa saya berhak memperoleh akses dan memohon untuk membuat pembetulan terhadap mana-mana data peribadi yang dipegang oleh Etiqa Family Takaful berkenaan dengan saya. Saya memahami bahawa permohonan tersebut boleh dibuat dengan melengkapi Borang Permohonan Akses yang boleh didapati di semua cawangan Etiqa Family Takaful atau menghubungi Etiqa Family Takaful melalui e-mel PDPA@etiqa.com.my. Saya memahami bahawa menurut peruntukan PDPA, saya boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di Etiqa Family Takaful Online 1 300 13 8888 untuk data peribadi saya. Maklumat tersebut hanya akan diberikan selepas pengesahan.

Saya bersetuju dan membenarkan Etiqa Family Takaful untuk berkongsi data peribadi saya dengan Kumpulan Maybank, rakan kongsi strategik dan pihak ketiga yang lain ("entiti lain") sebagaimana yang difikirkan patut oleh Etiqa Family Takaful.

8. **Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) / Standard Pelaporan Umum (CRS)**

Saya mengakui bahawa segala pengisytiharan/maklumat yang saya berikan di dalam borang ini adalah benar, tepat dan lengkap.

Saya faham bahawa terma "Individu Amerika Syarikat" membawa maksud warganegara atau penduduk Amerika Syarikat.

Saya dengan ini membenarkan Etiqa Family Takaful atau syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Etiqa Family Takaful (selepas ini dirujuk sebagai "Etiqa Family Takaful") mendedahkan butiran diri saya dan butiran kewangan saya kepada mana-mana Pihak Berkuasa selaras dengan keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) dan Common Reporting Standard (CRS) atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan dari pihak berkuasa yang perlu dipatuhi oleh Etiqa Family Takaful.

Saya bersetuju Etiqa Family Takaful boleh mengklasifikasikan saya sebagai akaun yang boleh dilaporkan dan/atau menggantung atau menamatkan sijil takaful dan/atau segala kemudahan yang diberikan kepada saya sekiranya saya gagal memberi maklumat yang tepat dan lengkap dan/atau dokumen seperti yang diperlukan oleh Etiqa Family Takaful.

9. **Pengecualian Dan Had Sekatan**

Saya memahami dan bersetuju bahawa Etiqa Family Takaful berhak untuk tidak menerima atau memproses permohonan ini sekiranya saya, orang yang dilindungi, pemegang serah hak dan penama yang dinamakan didapati adalah orang yang dilarang, yang bermaksud seseorang atau entiti tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan / atau sekatan yang ditadbirkan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia di mana-mana negara, yang mempunyai hak melarang Etiqa Family Takaful daripada menyediakan perlindungan takaful, menjalankan perniagaan dengan atau selainnya menawarkan sebarang manfaat ekonomi kepada saya atau mana-mana benefisiari atau pemegang serah hak lain yang lain di bawah Sijil yang berkaitan, dan keputusan Etiqa Family Takaful adalah muktamad.

Saya seterusnya bersetuju bahawa sekiranya Etiqa Family Takaful sedar kemudian bahawa saya, orang yang dilindungi, pemegang serah hak dan penama yang dinamakan telah menjadi orang yang dilarang, Etiqa Family Takaful boleh menyekat dan / atau menamatkan Sijil yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah Sijil yang berkaitan.

Sekiranya permohonan diterima atau diproses oleh Etiqa Family Takaful walaupun Saya, orang yang dilindungi, pemegang serah hak dan penama yang dinamakan sebagai orang yang dilarang, Etiqa Family Berhad berhak untuk menyekat dan / atau menamatkan Sijil yang berkaitan pada bila-bila masa, sama ada dari tarikh permulaan Sijil yang berkaitan atau sebaliknya.

10. PENGGUNAAN PRINSIP-PRINSIP TAKAFUL

Saya bersetuju untuk menyertai produk ini berdasarkan kepada prinsip Takaful. Saya bersetuju dengan konsep Tabarru' (derma) bagi tujuan saling membantu Orang Yang Dilindungi. Saya bersetuju untuk membuat sumbangan seperti yang ditunjukkan dalam permohonan ini, dan dengan sumbangan ini, saya memahami yang saya layak menerima manfaat Takaful seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat Sijil Takaful.

Saya bersetuju untuk melantik Etiqa Family Takaful untuk menguruskan dan melaburkan Dana Risiko Peserta (DRP) bagi pihak saya berdasarkan kontrak Wakalah (perwakilan). DRP dimiliki secara kolektif oleh para peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Saya bersetuju untuk membayar fi Wakalah (seperti yang ditunjukkan dalam Helaian Pendedahan Produk dan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful) kepada Etiqa Family Takaful, sebagai potongan daripada sumbangan, untuk menampung perbelanjaan melabur dan mengurus DRP.

Saya faham bahawa pada setiap akhir tahun kewangan, Etiqa Family Takaful akan menentukan pengagihan lebihan (jika ada) daripada lebihan pengunderaitan daripada Dana Risiko Peserta (DRP). Apa-apa pengagihan Lebihan Pengunderaitan, diperuntukan untuk peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Etiqa Family Takaful. Saya bersetuju bahawa 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan (jika ada) akan dibayar kepada Etiqa Family Takaful untuk mengendalikan dan menguruskan DRP berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki 50% akan dikongsi di antara Orang Yang Dilindungi yang mana Sijil Takaful mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut.

Saya faham bahawa perkongsian lebihan yang diagihkan kepada orang yang dilindungi akan dikumpul dalam dana berasingan. Saya bersetuju bahawa sumbangan saya ditolak Fi Wakalah akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Saya juga bersetuju untuk melantik Etiqa Family Takaful untuk menguruskan dana berasingan berdasarkan kontrak Mudarabah (perkongsian keuntungan). Saya memahami bahawa sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi ke atas dana berasingan bagi Orang Yang Dilindungi ialah 15% dibayar kepada Etiqa Family Takaful, dan baki 85% dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang mana Sijil Takafulnya belum ditamatkan, berdasarkan kontrak Mudarabah (perkongsian keuntungan). Saya bersetuju bahawa dana yang berasingan tersebut hanya akan dibayar bersama dengan manfaat, semasa tamat tempoh Sijil Takaful, atau sekiranya saya menghantar permintaan kepada Etiqa Family Takaful pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh Sijil Takaful dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.

Saya bersetuju untuk membenarkan Etiqa Family Takaful untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipannya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Etiqa Family Takaful untuk tujuan mencapai matlamat untuk melabur dan menguruskan produk Takaful Keluarga ini, dengan syarat bahawa Etiqa Family Takaful akan terus bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap saya.

11. Takrif:

- i. Tabarru' - "Tabarru" bermaksud sumbangan, hadiah atau derma. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermakna Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Risiko Peserta (DRP).
- ii. Wakalah – "Wakalah" merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia bermakna Orang yang Dilindungi telah melantik Etiqa Family Takaful untuk melabur dan menguruskan DRP bagi pihak Orang yang Dilindungi. Orang yang Dilindungi juga telah membenarkan Etiqa Family Takaful untuk mewakili hak, tugas dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Etiqa Family Takaful. Etiqa Family Takaful akan bertanggungjawab ke atas semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut terhadap Orang yang Dilindungi sepanjang tempoh delegasi tersebut.
- iii. Ju'alah - "Ju'alah" bermaksud kontrak ganjaran di mana salah satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada sesiapa yang mencapai sesuatu objektif dalam tempoh yang ditetapkan ataupun tidak ditetapkan. Berkenaan dengan kontrak Takaful, ia merujuk kepada asas pengagihan perkongsian lebihan daripada Dana Risiko Peserta (DRP) yang dipersetujui antara Etiqa Family Takaful dan Orang yang Dilindungi bagi pengurusan DRP yang baik.
- iv. Mudarabah – "Mudarabah" bermaksud kontrak di antara penyumbang modal (rabbul mal) dan pengelola (mudarib) yang mana rabbul mal menyediakan modal untuk diuruskan oleh mudarib. Sebarang keuntungan hasil daripada modal dikongsi di antara rabbul mal dan mudarib mengikut nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui bersama. Kerugian pula akan ditanggung oleh rabbul mal dengan syarat kerugian tersebut bukan berpunca daripada salah laku, kecuaiian atau kemungkiran terma-terma spesifik oleh mudarib. Berkenaan dengan kontrak Takaful, Etiqa Family Takaful bertindak sebagai mudarib manakala Orang yang Dilindungi sebagai rabbul mal dalam perkongsian keuntungan pelaburan daripada dana berasingan.